




KELUARAN DALAM NEGERI KASAR EKONOMI MALAYSIA

ST1 2018



Nota: Tidak termasuk Duti Import

RM 295.3 billion
KDNK pada Harga Malar 2010

RM 343.2 billion
KDNK pada Harga Semasa

PNK per kapita pada Harga Semasa
RM 41,151

Perbelanjaan Penggunaan Akhir Swasta

bertumbuh **6.9 peratus**



Peratus sumbangan Kepada KDNK:
55.1%


Disumbang oleh:




Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK)

menyederhana **0.1 peratus**

PMTK mengikut Jenis Aset



PMTK mengikut Sektor



Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan

bertumbuh pada kadar marginal disebabkan oleh pengurangan perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan

0.4%

Sektor Luaran

Eksport **3.7%**

Disebabkan oleh penyederhanaan dalam permintaan luaran

Import **-2.0%**

Disebabkan penyusutan import barangan dan perkhidmatan

1. Apakah maksud Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)?

KDNK ialah statistik berkenaan pendapatan negara dan ianya juga berkaitan dengan pertumbuhan atau pembangunan ekonomi.

KDNK mengukur jumlah nilai akhir barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam ekonomi bagi sesebuah Negara melalui tiga kaedah iaitu:

- 1) **Kaedah Pengeluaran** iaitu penjumlahan nilai ditambah aktiviti ekonomi (Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan termasuk Kerajaan);
- 2) **Kaedah Perbelanjaan** iaitu penjumlahan Perbelanjaan Akhir Isi Rumah, Perbelanjaan Akhir Kerajaan, Pelaburan dan Eksport Bersih; dan
- 3) **Kaedah Pendapatan** adalah penjumlahan Pendapatan oleh faktor Pengeluaran (tanah, tenaga buruh, modal dan keusahawanan) iaitu Pampasan pekerja, Lebihan kendalian kasar dan (Cukai - Subsidi).

Pengukuran KDNK : i. Dinilai pada harga semasa

ii. Dinilai pada harga malar

Frekuensi pengeluaran data KDNK Kaedah Pengeluaran dan Perbelanjaan adalah secara suku tahunan dan tahunan pada harga semasa dan malar. Manakala bagi data KDNK Kaedah Pendapatan adalah secara tahunan pada harga semasa.



NEWSLETTER

**“STATISTIK DAN KEHIDUPAN
TIDAK BOLEH DIPISAHKAN
KERANA BERKAIT RAPAT
TERUTAMA DALAM MENDEPANI
KEHIDUPAN YANG SEMAKIN
KOMPLEKS”**

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan Malaysia
(Sumber: Teks ucapan sempena majlis
pelancaran penerbitan Statistik
Pemeriksaan Wanita Dalam Domain
Terpilih, Malaysia, 2017)

2. Adakah ANDA berperanan sebagai penyumbang kepada KDNK?

YA. ANDA juga dikira sebagai penyumbang kepada KDNK. Dalam konteks ekonomi, ANDA sebagai Isi rumah berperanan dalam dua kategori iaitu:

- * Dari segi Penawaran, Isi rumah bekerja di sektor industri dan Kerajaan dan mendapat pendapatan melalui pembayaran gaji dan upah.
- * Dari segi Permintaan, Isi rumah berperanan sebagai pengguna kepada barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh mana-mana institusi melalui perbelanjaan harian.

3. Adakah semua barangan dan perkhidmatan diambilkira dalam penyusunan KDNK?

TIDAK. Semua perkhidmatan peribadi dan domestik yang dihasilkan dan dimakan dalam isi rumah yang sama (Contohnya pembersihan rumah, memasak, menjaga & mendidik kanak-kanak, dan menjaga orang sakit & orang tua) tidak diambilkira dalam pengiraan KDNK.

Disamping itu, penyelenggaraan & pembaikan rumah kediaman, barangan tahan lama, dan kenderaan yang digunakan oleh ahli Isi rumah juga dikecualikan daripada pengiraan KDNK.

Semua perkhidmatan di atas dikecualikan dalam pengiraan KDNK kerana;



- ◆ Tidak ada harga pasaran yang sesuai yang boleh digunakan untuk menilai perkhidmatan-perkhidmatan ini;
- ◆ Sebahagian besar perkhidmatan Isi rumah domestik dan perkhidmatan peribadi tidak dihasilkan untuk tujuan diniagakan dalam pasaran.

4. Mengapa KDNK penting kepada Negara?

- Mengukur prestasi dan kedudukan ekonomi
- Mengenalpasti dan membuat penilaian keberkesanan dasar ekonomi Kerajaan
- Analisis data makroekonomi
- Perbandingan saiz ekonomi di peringkat antarabangsa
- *Insight* kepada para pelabur dalam membuat keputusan pelaburan



Manual Rujukan



5. KDNK tidak mengukur taraf hidup dan kesejahteraan kehidupan rakyat. Mengapa?

KDNK merupakan instrumen untuk mengukur prestasi ekonomi, namun ia tidak sesuai untuk mengukur taraf hidup dan kesejahteraan penduduk bagi sesebuah negara.

- Walaupun Pendapatan Negara Kasar per kapita (PNK per kapita) digunakan sebagai ukuran tanda aras kehidupan penduduk dalam sesebuah negara, ia tidak mengambil kira beberapa faktor penting dalam kesejahteraan rakyat seperti kerosakan pada alam sekitar, bunyi bising yang melampau, pengurangan masa berhibur dan pengurangan sumber asli yang tidak boleh diperbaharui.
- Selain itu, kualiti kehidupan mungkin bergantung kepada taburan KDNK mengikut penduduk dan bukan diukur secara purata.

Bagi mengambil kira faktor-faktor tersebut, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah membangunkan *Human Development Index (HDI)* yang merangkumi maklumat KDNK per kapita, jangkaan hayat, literasi dan pendaftaran pelajar ke sekolah.

Sumber Rujukan :

1. *Manual 2008 SNA*
2. *International Monetary Fund (2017), Gross Domestic Product: An Economy's All*, <http://www.imf.org/external/pubs/ft/fandd/basics/gdp.htm>
3. Jabatan Perangkaan Malaysia (2017), Akaun Negara Keluaran Dalam Negeri Kasar Kaedah Pendapatan 2010-2016
4. Ribarsky, J., C. Kang and E. Bolton (2016), "The drivers of differences between growth in GDP and household adjusted disposable income in OECD countries", *OECD Statistics Working Papers, 2016/06, OECD Publishing, Paris*. <http://dx.doi.org/10.1787/5j1z6qj247r8-en>

Penerbitan Akan Datang:

- ◆ Pembentukan Modal Tetap Kasar 2017 pada 25 Julai 2018
- ◆ KDNK Kaedah Pendapatan 2010 - 2017 pada 26 Julai 2018
- ◆ KDNK Suku Tahun Kedua 2018 pada 16 Ogos 2018
- ◆ Akaun Satelit Pelancongan 2017 pada 14 September 2018
- ◆ Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi 2017 pada 26 Oktober 2018
- ◆ Perangkaan Stok Modal pada 9 November 2018